

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI [TUMPAT]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana kepakaran yang dimiliki Dr. Zakir Naik dalam bidang perbandingan agama dapat dikembangkan bagi menyuburkan dakwah Islam di Malaysia.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka dan mengalu-alukan mana-mana ilmuan Islam yang ingin menyumbang kepakaran mereka bagi menyuburkan aktiviti dakwah dan budaya ilmu di negara ini. Walau bagaimanapun, para pendakwah tempatan atau daripada luar negara yang berhasrat untuk mengajar atau berceramah di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa termasuk mematuhi syarat supaya mendapatkan tauliah terlebih dahulu daripada pihak berkuasa agama di negeri-negeri.

Sekian, terima kasih.